

03 APR 2001

RRJP3-PRAKATA

PM: SEBUAH NEGARA "BANGSA MALAYSIA" YANG BERSATU KEKAL DI DALAM SENARAI UTAMA KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Membina sebuah negara bersatu pada sebagai satu "Bangsa Malaysia" yang progresif dan dinamik terus menjadi keutamaan kerajaan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Wawasannya adalah sebuah negara yang mengandungi rakyat berbilang kaum yang hidup dalam harmoni di antara satu sama lain dan mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh.

Oleh itu, kata beliau, unsur-unsur asas bagi kejayaan ialah rajin, berdisiplin, boleh dipercayai, berbangga terhadap kerja dan pencapaian yang dibuat serta terus berusaha besungguh-sungguh ke arah mencapai kemajuan diri dan meningkatkan produktiviti adalah nilai-nilai dan sikap penting yang perlu dipupuk oleh semua rakyat Malaysia.

"Adalah juga penting bagi masyarakat Malaysia untuk memperlihatkan kematangan politik dengan menghindari fahaman yang melampau dan sempit. Kita perlu sentiasa sedar bahawa unsur penting bagi membantu mencapai pertumbuhan mapan ialah sebuah masyarakat yang harmoni," tambahnya.

Di dalam Kata Pendahuluan yang terkandung di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3), Dr Mahathir yakin bahawa dengan perpaduan dan iltizam daripada semua rakyat, Malaysia akan dapat mencapai wawasan jangka panjang untuk menjadi sebuah negara maju di mana setiap rakyat akan dapat menikmati pendapatan yang lebih tinggi dan kualiti hidup yang lebih baik.

Tambahnya teras utama adalah mewujudkan masyarakat yang saksama melalui peningkatan pendapatan dan kualiti hidup bagi mereka yang berpendapatan rendah dan mengurangkan perbezaan pencapaian ekonomi di kalangan kumpulan etnik serta antara wilayah.

Dr Mahathir menekankan walaupun strategi penyusunan semula masyarakat telah dilaksanakan selama 30 tahun, namun Malaysia masih belum mencapai matlamat penyertaan Bumiputera yang berkesan serta dapat melahirkan usahawan Bumiputera yang berdikari dan berdaya tahan.

"Kerajaan hanya dapat menyediakan peraturan dan persekitaran yang membolehkan pelaksanaan penyusunan semula masyarakat.

"Dengan itu, masyarakat Bumiputera mesti mempergiatkan usaha untuk mencapai dan menyempurnakan matlamat tersebut," tegas beliau.

Dalam menghadapi cabaran akan datang, Bumiputera perlu bersedia untuk mengubah bukan sahaja cara pemikiran, malahan juga sistem nilai mereka.

Dalam waktu yang sama, Bumiputera perlu meningkatkan kemahiran dan kemampuan keusahawanan untuk melibatkan diri dalam ekonomi berasaskan pengetahuan dan memanfaatkan peluang yang wujud di dalam dan di luar negara.

Menyentuh mengenai RRJP3, Perdana Menteri berkata dasar dan strateginya akan membawa negara lebih hampir kepada mencapai hasrat Wawasan 2020 sekiranya semua rakyat Malaysia beriltizam bagi melaksanakan dasar dan strategi tersebut secara berkesan.

Bagi pihak kerajaan, katanya ia akan berpendirian teguh dalam memastikan matlamat dasar yang telah digubal untuk dilaksanakan dengan segera, penuh keprihatinan dan daya imaginasi serta pada masa yang sama mengelakkan pentafsiran dasar yang bercanggah dan pelaksanaan program yang tidak selaras dengan matlamat tersebut.

Dr Mahathir juga berkata dalam tempoh RRJP3, matlamat pertumbuhan akan terus diseimbangkan dengan pertimbangan terhadap alam sekitar bagi menjamin pertumbuhan dan kesejahteraan generasi masa kini dan akan datang.

Mengenai pembangunan sumber manusia yang berkualiti, beliau menambah kata ini akan dipergiatkan bagi menyediakan tenaga kerja produktif dan membina masyarakat yang sentiaasa berusaha dan meningkatkan pengetahuan serta berilmu.

Kerajaan juga akan berusaha mengurangkan jurang pencapaian dalam pendidikan antara kawasan bandar dengan luar bandar serta di kalangan kumpulan yang belum menikmati faedah pembangunan akan dikurangkan dengan meningkatkan peluang mendapatkan pendidikan berkualiti.

Dr Mahathir berkata penyediaan penyediaan RRJP3 telah mendapat manfaat daripada syor-syor yang diperakukan oleh Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (MAPEN II).

"Walaupun kerajaan tidak dapat menerima semua perakuan MAPEN II, namun buah fikiran dan cadangan yang dikemukakan telah diambil kira dalam penggubalan RRJP3," tambahnya. -- BERNAMA

MOT OS